

Saya sedia jawab ² isu agama — Hamid

UM 11.15.99

Oleh SHOLINA OSMAN

ALOR SETAR 10 Dis. — Datuk Dr. Abdul Hamid Othman yang dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri walaupun kalah dalam pilihan raya lalu, menganggap tugasnya kali ini amat berat.

Beliau berkata, ini kerana bertambahnya parti pembangkang di Parlimen yang akan menggunakan isu agama berhubung dengan pentadbiran di dalam kerajaan.

Bagaimanapun Abdul Hamid berjanji akan menjalankan amanah dan kepercayaan yang diberikan sekali lagi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad kepadanya dengan sebaik mungkin.

“Saya bersedia menjawab bagi pihak kerajaan mengenai isu agama yang pastinya akan banyak ditimbulkan di Parlimen,” katanya kepada *Utusan* hari ini.

Mempertahankan

Abdul Hamid memenangi kerusi Parlimen Sik selama dua penggal iaitu pada pilihan raya 1990 dan 1995 tetapi kali ini gagal mempertahankan kerusinya setelah ditewaskan oleh calon Pas, Datuk Shahnun Ahmad, pengarang novel *Shit*.

Abdul Hamid berkata, beliau juga akan mengadakan lebih banyak lagi program untuk menjelaskan kekeliruan dari sudut aga-

ma yang ditimbulkan oleh Pas.

“Kita akan cuba menyedarkan rakyat yang telah terpengaruh dengan kenyataan Pas yang telah menjadikan hal urusan negara sebagai akidah,” katanya

Bekas Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, Datuk Chor Chee Heung yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri mengakui beliau banyak belajar ketika berkhidmat di Kementerian Pengangkutan.

“Walaupun saya masih baru di dalam kementerian ini tetapi saya akan berusaha sedaya upaya untuk menjalankan tugas ini dengan baik,” katanya.